



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,
93592 KUCHING,
SARAWAK.

Telefon : 082-421333/421755/425154 (Pejabat AM)
Faks : 082-424489
E-mel : pmswk@treasury.gov.my
Laman Web : <http://pmsarawak.treasury.gov.my>

Ruj.Kami : PKP(S)124-1/6 Jld.5 (20)
Tarikh : 02 Oktober 2019
03 Safar 1441H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Jabatan Negeri, Sarawak
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri, Sarawak
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Yang Berbahagia Datuk/Datu/ Dato'/Dr./Tuan/Puan,

TAMBAHAN PERTAMA
SURAT PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
BILANGAN 1 TAHUN 2019

Kontrak Pusat Bagi Membekal dan Menghantar Daging Ayam (Halal) Kepada Semua Jabatan Persekutuan (Termasuk Semua Kategori), Dan Badan Berkanun Persekutuan Dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Seluruh Negeri Sarawak Bagi Tahun 2019 Sehingga 2022

1. PERIHAL

- 1.1 Adalah dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) telah bersetuju menambah Comerich Sdn Bhd bagi Kontrak Pusat Bagi Membekal dan Menghantar Daging Ayam (Halal) Kepada Semua Jabatan Persekutuan (Termasuk Semua Kategori), Dan Badan Berkanun Persekutuan Dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Seluruh Negeri Sarawak Bagi Tahun 2019 Sehingga 2022.

2. BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR DAN NOMBOR KONTRAK

BIL.	NAMA / ALAMAT KONTRAKTOR / NO. TELEFON / FAX & NOMBOR KONTRAK	ALAMAT / NO. AKAUN BANK
1.	COMERICH SDN BHD Lot 87-2-6 & B7-2-7 CITY BRIDGE COMMERCIAL CENTRE 93450 KUCHING Tel : 082-332159 Fax : 082-334162 <u>No. Kontrak</u> PMS/124/KONT/2019-02	<u>Bank</u> MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK) <u>No. Akaun</u> 011038422397

3. TEMPOH KONTRAK

3.1 Tempoh kontrak ialah selama tiga (3) tahun berkuatkuasa mulai 15 Ogos 2019 sehingga 14 Ogos 2022.

4. HARGA

4.1 Harga di bawah kontrak ini adalah harga bersih bagi satu kilogram (1kg) termasuk semua cukai serta kos pembungkusan dan penghantaran ke tempat-tempat yang berkaitan.

4.2 Penetapan harga ditentukan mengikut kawasan. Harga dan Kawasan untuk bekalan seperti di **Lampiran 'A1'**.

5. PENENTUAN

5.1 Untuk tempoh kontrak ini, bekalan daging ayam (halal) hendaklah mengikut spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran 'A3'**. PMS akan sentiasa mengawasi mutu bekalan oleh syarikat pembekal dari semasa ke semasa.

6. HAL-HAL LAIN

6.1 Perkara-perkara lain adalah sama seperti syarat-syarat Surat Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Malaysia Sarawak Bil 1 Tahun 2019.


6.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai kontrak ini, pihak Y.Bhg. Datuk Amar/Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi terus PM Sarawak seperti di alamat di atas atau melalui telefon/emel seperti berikut:-

- (i) Pn. Dayang Arfahiza Binti Abang Junaidi – 082-421333 samb.500
Emel: arfahiza.junaidi@treasury.gov.my
- (ii) Pn Sharifah Nur Salikin Bt. Wan Habib Sabli – 082-421333 samb. 502
Emel: salikin.sabli@treasury.gov.my.
- (iii) Seksyen Perolehan – 082-421333 samb. 501

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah.





(MOHD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Lampiran A1

HARGA KONTRAK MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DAGING AYAM (HALAL) KEPADA SEMUA JABATAN PERSEKUTUAN (TERMASUK SEMUA KATEGORI SEKOLAH) DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) SELURUH NEGERI SARAWAK

JABATAN/AGENSI/ATM/ SEMUA JENIS SEKOLAH HARGA MENGIKUT KUMPULAN			
BIL	KAWASAN	HARGA KUMPULAN A: AYAM BERSIH (SEKOR) RM/KG	HARGA KUMPULAN B: AYAM POTONG SEMBILAN (9) RM/KG
1	Kuching	9.90	10.40
2	Samarahan	9.90	10.40
3	Sri Aman	10.40	10.90
4	Betong	10.40	10.90
5	Sarikei	10.30	10.80
6	Sibu/Kanowit	10.50	11.00
7	Mukah/Dalat	10.50	11.00
8	Kapit	11.80	12.30
9	Song	11.80	12.30
10	Bintulu	10.80	11.30
11	Miri/Bakong/Bekenu/Subis	10.60	11.10
12	Marudi/Baram	13.00	13.50
13	Limbang/Lawas	13.00	13.50

***Spesifikasi/Skop Perkhidmatan/Service Level Agreement (SLA) (sekiranya berkaitan)**

Nama Item	Spesifikasi	Skop Perkhidmatan / SLA
<p>AYAM BERSIH (SEEKOR)</p>	<p>Ayam bersih (seekor) adalah ayam yang dibekalkan tanpa bulu, kepala, leher, kaki dan organ dalaman. Anggaran berat bersih seekor adalah di antara 1.3kg hingga 1.7kg.</p> <p>Ayam bersih (seekor) yang dibekalkan mestilah:- a. tidak lebam dan bertukar warna dari warna asal b. fizikal ayam berada dalam keadaan baik seperti bahagian peha dan kepak tidak patah. c. Bebas daripada bau yang menunjukkan keadaan ayam tidak segar.</p>	
<p>AYAM POTONG SEMBILAN (9)</p>	<p>Ayam potong Sembilan (9) mestilah dibekalkan tanpa bulu, kepala, lemak, kaki dan usus.</p> <p>Anggaran berat bersih bagi seketul ayam adalah:- a. 150g hingga 180g (porsi dewasa) b. 80g hingga 100g (porsi kanak-kanak)</p> <p>Bahagian ayam potong Sembilan (9) mestilah terdiri daripada:- a. 2 bahagian kepak (wing) b. 2 bahagian paha atas (thigh) c. 2 bahagian paha (drumstick) d. 2 bahagian rusuk (rib) e. 1 bahagian dada (keel)</p> <p>Bekalan ayam potong Sembilan (9) mestilah mengandungi sekurang-kurangnya 90% daripada 9 bahagian bagi seekor ayam dan 10% lagi boleh terdiri daripada mana-mana bahagian lain</p> <p>Ayam potong Sembilan (9) hendaklah dibungkus berasingan mengikut bahagian potongan ayam (kepak, paha atas, paha, rusuk dan dada) di dalam beg plastic yang berkualiti, tidak mudah koyak, lutsinar dan diletakkan di dalam bekas yang sesuai dan bersih.</p>	

Setiap bungkusan perlu mengandungi 20 ketul/50 ketul/100 ketul ayam mengikut keperluan pengguna.	
Ayam potong Sembilan (9) yang dibekalkan mestilah:- a. tidak lebam dan bertukar warna dari warna asal. b. setiap bahagian ayam hendaklah berada dalam keadaan baik iaitu tidak patah. c. bebas daripada bau yang menunjukkan keadaan ayam tidak segar	